

ABSTRAK

Satu kajian telah dijalankan ke atas 99 karangan pelajar Tingkatan 3 di Sekolah Menengah Kebangsaan, Sungai Besar. Tujuan kajian ialah untuk pertama, mengenal pasti jenis-jenis kesalahan morfologi, sintaksis dan ejaan yang dilakukan oleh pelajar-pelajar Tingkatan 3 semasa mereka mengarang; kedua, untuk melihat perbezaan jumlah kesalahan morfologi, sintaksis dan ejaan yang dilakukan antara pelajar Melayu dengan pelajar bukan Melayu.

Keputusan kajian menunjukkan secara keseluruhan pelajar-pelajar melakukan sebanyak 5.06 % (90300) kesalahan morfologi, ejaan dan sintaksis dalam karangan yang panjangnya 180 patah kata. Pelajar-pelajar bukan Melayu melakukan lebih banyak kesalahan iaitu 7.78 % (574) berbanding pelajar Melayu 3.15 % (329). Kajian turut mendapati secara keseluruhan pelajar melakukan kesalahan morfologi sebanyak 2.17 % (386) dengan pelajar bukan Melayu melakukan lebih banyak kesalahan berbanding pelajar Melayu iaitu 3.58 % (264) berbanding 1.16 % (122). Bagi aspek ejaan, secara keseluruhan pelajar melakukan 1.23 % (220) kesalahan dengan pelajar bukan Melayu melakukan lebih banyak kesalahan berbanding pelajar Melayu iaitu 1.44 % (106) berbanding 1.09 % (114). Selain itu purata kesalahan bagi sintaksis secara keseluruhan ialah 2.57 % (127). Pelajar bukan Melayu didapati melakukan lebih banyak kesalahan sintaksis berbanding pelajar Melayu iaitu 5.12 % (105) berbanding 0.75 % (22).

Daripada kajian ini memperlihatkan pelajar-pelajar masih melakukan kesalahan morfologi, sintaksis dan ejaan, selain memberi gambaran kemampuan mereka dalam menguasai Bahasa Melayu. Dapatan kajian ini boleh menjadi asas dalam perancangan pengajaran dan pemelajaran Bahasa Melayu pada peringkat PMR.

ABSTRACT

THE ANALYSIS OF ERRORS ON ESSAYS BY THE FORM 3 STUDENTS IN SEK. MEN. KEB. SUNGAI BESAR

A research was done on 99 essays written by Form 3 students of Sek. Men. Keb. Sungai Besar. The aims of the research firstly was to identify the kinds of morphological, syntactical and spelling mistakes committed by the Form 3 students while composing, secondly to observe the difference in the amount of morphological, syntactical and spelling errors committed between Malay students and non-Malay students.

The results of the research shows that overall the students make 5.06% (90300) morphological, spelling and syntactical errors in their compositions of about 180 words. Non-Malay students make more mistakes/errors that is 7.78% (574) compared to Malays 3.15% (329). Research also found that overall 2.17% (386) of students committed morphological mistakes/errors with the non-Malay students making more errors in comparison to Malay students which is 3.58% (256) as compared to 1.16% (122). In the spelling aspect overall the students committed 1.23% (220) mistakes which non-Malay students making more errors as compared to Malay students that is 1.44% (106) in comparison to 1.09% (114). Other than that, average errors for syntactic is 2.57% (127). Non-Malay students are found to commit more syntactical errors as compared to Malay students that is 5.12% (105) compared to 0.75% (22).

From this research it can be shown that students still commit morphological, syntactical and spelling errors and also provides a picture of their ability in commanding Bahasa Melayu. The research findings can be the basis for the planning of teaching and learning of Bahasa Melayu at PMR level.